

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
(PASIR MAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.11.2015**

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR  
MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik anak muda  
yang mengalami masalah kewangan selepas bergraduasi sejak 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia tidak mempunyai statistik anak muda yang  
mengalami masalah kewangan selepas bergraduasi. Namun demikian,  
berdasarkan statistik Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK),

12.5% daripada jumlah individu yang menyertai Program Pengurusan Hutang, AKPK dari tahun 2010 hingga 2015 (sehingga Ogos) adalah individu yang berumur dari 20 hingga 30 tahun.

Golongan belia yang menghadapi masalah kewangan dan kesukaran untuk membayar balik pinjaman harus berbincang dengan institusi kewangan berkenaan atau menghubungi AKPK untuk mendapatkan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan. Antara peranan penting AKPK dalam membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan mereka ialah mencadangkan individu tersebut melakukan perubahan gaya hidup, membantu mereka menyusun semula hutang dan membuat pelan pembayaran balik yang bersesuaian mengikut komitmen peminjam melalui perundingan dengan institusi perbankan yang terlibat. Setakat Ogos 2015, lebih daripada 120,000 peminjam telah mendaftar di bawah Program Pengurusan Hutang yang dikendalikan oleh AKPK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70% daripada peminjam terus memenuhi komitmen pembayaran balik mereka di bawah program ini atau telah menjelaskan obligasi pinjaman mereka sekaligus membantu mereka keluar daripada bebanan hutang.